

Praktis 1**Soalan 1 – 2**

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tiga buah rumah telah hangus ^Adijilat ^Bapi dalam kejadian kebakaran yang berlaku ^Cmalam tadi. Tiada kesalahan.
D
- 2 Johari menggunakan tiga per empat daripada ^Akertas itu ^Buntuk membuat layang-layang. ^CTiada kesalahan.
D

Soalan 3 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Berjuta orang di seluruh dunia telah disahkan menghidap penyakit yang berbahaya itu.
A Berjuta-juta orang di seluruh dunia
B Juta-juta orang di seluruh dunia
C Berjuta-jutaan di seluruh dunia
D Berjuta orang di seluruh dunia
- 4 Sesetengah daripada kek keju itu diberikan kepada Mak Siti Salbiah.
A Sesetengah kek keju
B Setengah daripada kek keju
C Sesetengah-setengah kek keju
D Sesetengah daripada kek keju
- 5 Sebanyak puluh-puluh ribu orang membanjiri stadium untuk menyaksikan perlawanan bola sepak itu.
A Sebanyak sepuluh ribu membanjiri
B Sebanyak puluh ribu orang membanjiri
C Sebanyak sepuluh ribu orang membanjiri
D Sebanyak puluh-puluh ribu orang membanjiri

Praktis 2

Dalam petikan di bawah, terdapat empat kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Sarah sampai di balai raya pada pukul 8:30 pagi. Sebaik sahaja dia melangkah masuk ke halaman balai raya, dia melihat sudah ramai orang yang berkumpul di sana. Di sudut halaman balai raya yang luas, kelihatan beberapa wanita kampung sedang sibuk menumis gulai. Suara riuh-rendah dan ketawa mesra menguasai suasana. Sarah menuju ke bangsal. Di atas pepara terdapat ketiga longgok beg plastik yang belum diusik. Ada bawang besar, mentimun dan kentang. Sarah terus melakukan kerja tanpa arahan daripada sesiapa. Selepas mengupas bawang besar, Sarah memotong mentimun pula. Dia terus membuat kerja. Orang semakin ramai memenuhi balai raya. Semua orang sibuk bergotong-royong memasak makanan untuk hidangan para-para tetamu pada malam ini. Ada sesetengah orang pula membantu mengemas balai raya. Mereka menyusun kerusi-kerusi plastik dan menyiapkan meja jamuan untuk tetamu khas di balai raya.

(i) salah: _____ betul: _____

(ii) salah: _____ betul: _____

(iii) salah: _____ betul: _____

(iv) salah: _____ betul: _____